



## **NESPRESSO Bawakan Aura Positif dengan Campuran dan Resipi Kopi yang Menyegarkan**

*Kempen baharu ini menawarkan resipi kopi tropika dan mantra positif untuk pengalaman yang membangkitkan semangat*

**Kuala Lumpur, 7 Jun 2022** – **NESPRESSO** membawakan detik positif dan ‘feel-good’ kepada para penggemar kopi di Malaysia menerusi rangkaian kopi *Barista Creations for Ice* dan resipi-resipi kopinya yang direka dengan teliti. Diilhamkan oleh keenakan rasa tropika dan minuman kebangsaan Brazil – Caipirinha – dengan gandingan limau nipis dan pudina, maka terhasillah kopi *Barista Creations Liminha over Ice* baharu yang cukup menyegarkan. Warna kuning lemon dan cetakan daun tropika yang menghiasi corak musim panas **NESPRESSO** yang terkini juga merupakan satu bentuk penghargaan kepada kesemarakan landskap Brazil, yang bakal menyatukan penggemar kopi menerusi semangat yang positif dan aura yang baik.

Kempen yang mengetengahkan aura positif Brazil ini menggalakkan penggemar kopi untuk memperbaharui rutin kehidupan mereka dan memulakan memulakan rutin positif baharu untuk membantu merealisasikan aspirasi mereka, menerusi set amalan kesejahteraan yang dikenali sebagai “Summer Rituals”. Ritual yang bertujuan menawarkan inspirasi dan panduan positif ini terdiri daripada amalan-amalan kesejahteraan yang boleh dipraktikkan termasuklah *Sip & Shine* (menyediakan diri untuk menjalani kehidupan harian), *Sip & Breathe* (memupuk hubungan dengan diri sendiri), *Sip & Escape* (mendekati alam semulajadi), dan *Sip & Bloom* (mengeratkan hubungan dengan rakan-rakan dan orang lain), di mana semuanya membawa kepada rutin dan gaya hidup yang lebih baik. Ritual tersebut akan disampaikan sepanjang kempen ini menerusi mantra positif, resipi kopi dan kandungan lain berkaitan dengan kehidupan yang sihat.

**NESPRESSO** percaya bahawa ini adalah masa yang ideal untuk memulakan rutin baharu, sama ada dengan menikmati secawan espresso di pagi hari di samping amalan yoga, atau dengan segelas kopi ais yang menyegarkan sambil merenung kembali dan menulis jurnal, dimana kopi merupakan elemen asas yang membantu mengekalkan ritual yang membangkitkan semangat ini.

Lebih menarik lagi, **NESPRESSO** kini berganding bahu bersama personaliti antarabangsa terkenal dari Brazil, Alessandra Ambrosio, yang akan mewakili kempen ini dalam mencerminkan mantra positif dan ritual-ritual yang meningkatkan semangat ini. Alessandra Ambrosio sememangnya sentiasa menggalakkan gaya hidup sihat dan seimbang. Di samping mantra yang positif dan kopi ais berperisa eksotik baharu, koleksi musim panas **NESPRESSO** turut membawakan aksesori edisi terhad, yang digandingkan dengan resipi kopi berais yang menyegarkan. Kesemuanya bakal ditonjolkan menerusi filem kempen yang menampilkan bagaimana Alessandra Ambrosio menghayati ritual ini, bertapak di Brazil dan diperkasa oleh kopi yang unggul.

### **Campuran kopi menyegarkan untuk mengelak bahang**

Tahun ini, rangkaian **NESPRESSO Barista Creations for Ice** membawakan sensasi limau nipis dan daun pudina tropika sebagai tambahan yang menyegarkan untuk membantu mengelak bahang cuaca panas.

Bagi menawarkan aura musim panas di Brazil, *Liminha over Ice* dihasilkan dengan Ilham perisa Brazil dengan nota rasa limau nipis dan daun pudina menerusi kopi pangangan ringan dari serata dunia.

# NESPRESSO

Kombinasi tropika klasik yang digandingkan bersama Arabica dengan unsur buah-buahan yang ringan menimbulkan rasa manis seakan lemon serta bayangan kepahitan kopi ini begitu sesuai dinikmati dengan ais.



*Liminha over Ice* diilhamkan oleh perisa Brazil yang segar dengan nota limau dan percikan pudina.

Kopi baharu ini boleh didapati bersama kopi *Barista Creations for Ice Coconut Flavour over Ice* yang terkenal dan *Barista Creations for Ice* yang bermusim – *Freddo Intenso* dan *Freddo Delicato* – yang kini kembali khususnya buat para penggemar kopi.



*Coconut Flavour over Ice (kiri)* dan *Freddo Intenso* dan *Freddo Delicato* kembali lagi tahun ini.

Barista Creations for Ice sebaiknya disediakan dengan satu kapsul kopi (espresso, 40ml) dituang atas segenggam kiub ais (90g) dan diikuti dengan air sejuk dan susu sejuk (90ml) supaya nota rasanya benar-benar menonjol. **NESPRESSO** meneliti parameter panggang dan kisar bagi setiap campuran, untuk memastikan rasa dan kualiti kopi tetap berada di tahap terbaik walaupun setelah ais cair. Dengan hanya satu sentuhan butang pada mesin kopi kami – sama ada **NESPRESSO** Atelier atau **NESPRESSO** Essenza Mini – penggemar kopi boleh merasai detik *feel-good* dengan kopi **NESPRESSO** pada musim panas ini.



Untuk menyemarakkan lagi detik-detik kopi, **NESPRESSO** mencipta resipi kopi ais yang inovatif untuk dinikmati dalam cuaca panas di Malaysia, iaitu *Brazilian-Inspired Mocktail*, *Liminha Over Ice Refresher*, *Coconut Flavour Over Ice Coffee Frappé*, *Freddo Intenso Fig Banana Shake* dan *Freddo Delicato Maracujá Frappé* bagi pengalaman kopi yang menyegarkan. Resipi-resipi tersebut boleh didapati di <https://www.nespresso.com/my/en/summer2022>.

#### **‘Inhale, Exhale, Enjoy’ dengan pilihan aksesori**

**NESPRESSO** juga menawarkan mug edisi terhad dengan reka bentuk yang ceria dan bergaya. Setiap satu menampilkan salah satu daripada mantra positif **NESPRESSO** – ‘Brew, Breathe, Bloom’ serta ‘Inhale, Exhale, Enjoy’, sesuai untuk menikmati kopi panas dan sejuk dengan penuh bergaya. Mug tersebut ditandatangani oleh Alessandra Ambrosio, yang cukup sesuai mencerminkan mantra positif dan ritual bersemangat yang dibawakan oleh **NESPRESSO**.



*Alessandra Ambrosio menikmati Liminha Over Ice dalam Nespresso Coffee Mug edisi terhad*

Mengulas mengenai penglibatan beliau dengan kempen musim panas **NESPRESSO**, **Alessandra Ambrosio** berkata: “Musim panas adalah masa yang paling saya sukai sepanjang tahun, dan sebagai orang Brazil, saya berasa bangga kerana dapat mewakili kempen yang diilhamkan oleh negara asal saya. Saya amat menyukai konsep kempen ini dimana kopi menandakan detik-detik penting yang dilalui sepanjang hari. Saya berasa amat teruja kerana dapat turut serta dalam kempen yang penuh semangat ini dan bekerjasama dengan **NESPRESSO** untuk menonjolkan resipi-resipi yang enak, aksesori bertemakan musim panas, dan kopi yang berkualiti – dan *Liminha over Ice* benar-benar membawakan aura musim panas di Brazil dalam setiap cawan!”

Untuk merasai keunggulan pengalaman barista, **NESPRESSO** juga telah melancarkan *Barista Shaker* keluli tahan karat baharu dengan kemasan *micro-brushed*, ideal untuk menyediakan resipi kopi hebat ala barista. Ia mempunyai lubang-lubang besar untuk menyaring yang dapat menghasilkan *crema* yang banyak bagi hasil yang mengagumkan.

Bagi menambah keriangannya musim panas, *Nomad Travel Mug* klasik telah dilancarkan dalam warna biru laut baharu, agar kopi ais boleh dibawa ke mana-mana sahaja termasuklah untuk bersantai di tepi pantai, termasuklah tuala Nespresso yang diperbuat daripada bahan-bahan kitar semula untuk bersantai di pantai, beg kantung serta botol air Nespresso yang eksklusif untuk dibawa ke pantai.



### **Ketersediaan di Pasaran**

**NESPRESSO** *Liminha Over Ice* dan *Coconut Flavour Over Ice* edisi terhad dijual pada harga RM29.50 setiap sleeve manakala *Barista Creations for Ice Freddo Intenso* dan *Freddo Delicato* pula boleh didapati pada harga RM26.50 setiap sleeve.

Sementara itu, penggemar kopi boleh membeli Coffee Mug edisi terhad pada harga RM69 sekarang. Nomad Travel Mug biru laut yang serba baharu dan Barista Shaker pula boleh didapati pada harga RM129 dan RM 179 dalam masa terdekat. Mesin **NESPRESSO** Atelier boleh dimiliki pada harga RM1,799 manakala **NESPRESSO** Essenza Mini pula dijual pada harga RM649.

Dari 6 hingga 26 Jun, **NESPRESSO** menawarkan Upcycled Beach Towel (Tuala Pantai) dan Ice Cube Tray (Dulang Kiub Ais) dengan sebarang pembelian 120 kapsul (termasuk rangkaian Barista Creations for Ice); pelanggan yang membeli 120 kapsul (termasuk rangkaian Barista Creations for Ice) dari 27 Jun hingga 17 Julai pula layak untuk mendapatkan Water Bottle (Botol Air) dan Beach Pouch (Beg Kantung Pantai). Selain itu, diskaun 30% akan diberikan pada pembelian mesin kopi terpilih mulai 30 Mei hingga 10 Julai apabila anda membeli 50 kapsul (termasuk rangkaian Barista Creations for Ice).

Rangkaian Barista Creations for Ice kini boleh didapati di Butik **NESPRESSO** di The Gardens Mall, 1 Utama Shopping Centre, IOI City Mall, Pavilion Kuala Lumpur dan Gurney Plaza, Pulau Pinang; serta menerusi aplikasi mudah alih **NESPRESSO**, laman web rasmi **NESPRESSO** ([www.nespresso.com](http://www.nespresso.com)) dan melalui Talian Khidmat Pelanggan kami di 1800 80 7001 (waktu operasi: setiap hari dari 08:00 hingga 22:00, bebas tol).

Untuk ketahui lebih lanjut mengenai **NESPRESSO** Malaysia, layari laman Instagram rasmi ([@nespresso.my](https://www.instagram.com/nespresso.my)) atau laman Facebook ([Nespresso.MY](https://www.facebook.com/Nespresso.MY)) kami dan dapatkan berita terkini tentang produk terbaru.

### **HIDUPKAN DETIK KOPI DENGAN RESIPI KOPI AIS CIPTAAN NESPRESSO**

Untuk menyemarakkan lagi detik-detik kopi, **NESPRESSO** menawarkan pengalaman kopi yang menyegarkan dengan ciptaan resipi kopi ais yang inovatif untuk dinikmati dalam cuaca panas di Malaysia, iaitu *Brazilian-Inspired Mocktail*, *Liminha Over Ice Refresher*, *Coconut Flavour Over Ice Coffee Colada*, *Freddo Intenso Fig Banana Shake* dan *Freddo Delicato Maracujá Frapp*. Resipi-resipi ini boleh didapati di <https://www.nespresso.com/my/en/summer2022>.

## Brazilian Inspired



### Ramuan:

- Kapsul *Liminha Over Ice* (40ml)
- Limau segar (60g)
- Gula perang (8g)
- Biji buah markisa (40g)
- Sirap *gomme* (2ml)
- Air (60ml)
- Ketulan air batu (150g)
- Hirisan limau nipis & daun pudina segar untuk hiasan

### Bahan-bahan:

- Gelas VIEW Recipe
- Penggongcang

### Langkah-langkah:

- Campurkan 8 potongan limau segar (60g) dan 8g gula perang ke dalam Gelas VIEW Recipe.
- Potong sebiji buah markisa separuh dan keluarkan bijinya. Masukkan biji ke dalam gelas dengan 4 ketul air batu (30g sebiji) dan 2g sirap *gomme*.
- Tambahkan 60ml air dan kacau sehingga potongan limau dan biji buah markisa terapung atas permukaan air.
- Tambahkan seketul air batu dalam penggongcang dan ekstrak 40ml *Liminha Over Ice* ke dalam penggongcang. Tutup penutup dan goncang dengan kuat.
- Tuangkan kopi sejuk dengan perlahan ke atas campuran di dalam gelas ini.
- Hias gelas dengan sehiris limau nipis dan daun pudina segar.

## Liminha Over Ice



### Ramuan:

- Kapsul *Liminha Over Ice* (40ml)
- Sirap vanila (10ml)
- Susu Nestle (90ml)
- Ketulan air batu (120g)
- Kulit limau dan daun pudina untuk hiasan

### Bahan-bahan:

- Gelas VIEW Recipe

### Langkah-langkah:

- Masukkan 4 ketul air batu (30g seketul) ke dalam gelas VIEW Recipe. Tuangkan 10ml sirap Vanila dan 90ml susu ke dalam cawan ini.
- Ekstrak dan tuangkan 40ml *Liminha Over Ice* ke dalam cawan ini.
- Hiaskan cawan dengan kulit limau dan daun pudina.

## Coconut Flavour Over Ice Coffee Frappé



### Ramuan:

- Kapsul *Coconut Flavour Over Ice* (40ml)
- Sirap nanas (10ml)
- Susu Nestle (90ml)
- Ketulan air batu (120g)
- Serpihan kelapa dan bunga yang boleh dimakan untuk hiasan

### Bahan-bahan:

- Gelas VIEW Recipe
- **Nespresso** Barista Device/Penggoncang

### Langkah-langkah:

- Ekstrak 40ml *Coconut Flavour Over Ice* dan tuangkan ke dalam **Nespresso** Barista Device/ penggoncang dan tambahkan seketul air batu.
- [Barista] Tutup penutup, pilih resipi "Iced Frappé" dan tekan butang mula.
- [Shaker] Tutup penutup penggoncang dan goncang dengan kuat selama 20 saat.
- Tambahkan 3 ketul air batu (30g seketul) ke dalam Gelas VIEW Recipe.
- Tambahkan 10ml sirap nanas dan 90ml susu.
- Tuangkan kopi sejuk ke dalam gelas dan hiaskan gelas dengan serpihan kelapa dan bunga yang boleh dimakan.

## Freddo Intenso Fig Banana Shake



### Ramuan:

- Kapsul *Freddo Intenso* (40ml)
- Buah ara (separuh)
- Susu Nestle (120ml)
- Sirap pisang (10ml)
- Ketulan air batu (120g)
- Sepotong buah ara segar dan bunga yang boleh dimakan

### Bahan-bahan:

- Gelas VIEW Recipe
- Penggoncang

### Langkah-langkah:

- Tuangkan 120ml susu dan masukan sepotong buah ara segar ke dalam penggoncang. Tutup penutup dan goncang dengan kuat.
- Letakkan 4 ketul air batu (30g seketul) ke dalam Gelas VIEW Recipe dan tambah 10ml sirap pisang.
- Tambah buih susu ke dalam gelas dan kacau.
- Ekstrak 40ml espresso *Freddo Intenso* ke dalam gelas.
- Hiaskan gelas dengan sehiris buah ara dan bunga yang boleh dimakan.

- TAMAT -

## Mengenai Nestlé NESPRESSO SA

Nestlé NESPRESSO SA merupakan pelopor dan sumber rujukan untuk kopi kapsul yang paling berkualiti. Syarikat ini bekerjasama dengan lebih 110,000 orang petani dari 15 buah negara melalui program AAA Sustainable Quality™ yang menggalakkan amalan penanaman mampan di ladang



pertanian serta kawasan lanskap di sekitarnya. Dilancarkan pada 2003 dengan kerjasama The Rainforest Alliance, program ini membantu meningkatkan jumlah hasil dan kualiti tanaman, memastikan bekalan kopi berkualiti tinggi yang mampan serta mempertingkatkan kehidupan para petani dan komuniti mereka.

Berpusat di Lausanne, Switzerland, **NESPRESSO** beroperasi di 82 buah negara dan mempunyai 13,900 orang perkeja. Ia juga mengoperasikan rantaian runcit sedunia dengan 816 buah butik pada 2020.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web korporat **Nespresso**: [www.nestle-nespresso.com](http://www.nestle-nespresso.com).

**Mengenai Alessandra Ambrosio**

Dilahirkan di Erechim, Brazil, Alessandra Ambrosio mula bercita-cita untuk menjadi model sejak usia muda lagi. Beliau mula tampil dalam dunia permodelan antarabangsa pada lewat '90-an ketika era 'Brazilian invasion'. Alessandra membuat penampilan dan menjadi duta jenama global bagi pelbagai jenama fesyen dan kecantikan termasuklah Omega, Balmain, Moschino, Revlon, Christian Dior, Oscar de la Renta, Calvin Klein, dan Ralph Lauren, dan telah menghiasi beratus-ratus kulit majalah antarabangsa, termasuklah Vogue, Harper's Bazaar, Cosmopolitan, Vanity Fair, GQ, dan Elle. Selain daripada kerjayanya yang begitu menonjol dalam industri fesyen, Alessandra juga muncul dalam filem dan rancangan TV termasuklah Daddy's Home, Daddy's Home 2, Teenage Mutant Ninja Turtles: Out of the Shadows, Entourage, How I Met Your Mother, dan rancangan dari Brazil, Hidden Truths. Alessandra merupakan ibu yang penyayang kepada anak perempuannya Anja dan anak lelakinya Noah, dan mempunyai minat dan semangat yang tinggi dalam mengetengahkan isu alam sekitar, terutamanya pemuliharaan laut.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Thai Jia Vay

Pakar Perhubungan Jenama

**Nespresso** Malaysia

Alamat: Level 22, 1 Powerhouse, No.1 Persiaran Bandar Utama, Bandar Utama 47800 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: + 6017 200 3386

Emel: JiaVay.Thai@nespresso.com

Jeremy Fong / Douglas Tan / Wen Jin / Jacqueline Khoo

BCW Malaysia

Telefon bimbit: +602-639 1779 / +6016-375 3703 / +6012-659 4833 / +6016-453 8183

Emel: MYNespresso@bcw-global.com